



**KEMENTERIAN  
PERPADUAN NEGARA**

**KENYATAAN MEDIA**

**LANJUTAN TARikh SEMBAHYANG “HOKKIEN CLAN” DI RUMAH  
IBADAT PADA 19 DAN 20 FEBRUARI 2021 SEMPENA TAHUN BARU  
CINA**

---

Putrajaya, 18 Februari 2021- Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal YB Menteri Kanan Pertahanan Bil. 8 Tahun 2021 yang dipengerusikan YB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob telah bersetuju untuk melanjutkan tarikh dan masa sembahyang “Hokkien Clan” di Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) sempena Tahun Baru Cina bermula jam 6.00 petang pada 19 Februari 2021 hingga 2.00 pagi pada 20 Februari 2021.

2. Perlanjutan tarikh dan masa tersebut adalah tertakluk kepada SOP berikut:-
  - a) **Bilangan kehadiran penganut tidak melebihi 30 orang pada satu-satu masa;**
  - b) **Pengurusan RIBI perlu menjalankan kerja-kerja sanitasi selama 30 minit sebelum dan selepas aktiviti keagamaan / sembahyang;**
  - c) **Penggunaan MySejahtera digunakan bagi tujuan rekod di kawasan yang mempunyai liputan internet yang luas.**
  - d) **Pengecualian imbasan kod MySejahtera yang hadir ke RIBI diberikan kepada penganut yang berumur 60 tahun ke atas dan tidak mempunyai telefon pintar;**

3. Kementerian Perpaduan Negara menasihati semua masyarakat "Hokkien Clan" yang akan melakukan upacara sembahyang di RIBI pada 19 dan 20 Februari 2021 di seluruh negara agar mematuhi SOP ini bagi memastikan tiada penularan wabak di kalangan penganut-penganut dan bersama-sama membudayakan norma baharu untuk memutuskan rantaian COVID-19 ini.

**Kementerian Perpaduan Negara**

18 Februari 2021

-TAMAT-

***Mengenai Kementerian Perpaduan Negara:***

Kementerian Perpaduan Negara ditubuhkan pada 10 Mac 2020 di bawah kepimpinan Kerajaan Perikatan Nasional. Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Malaysia.

**Pertanyaan media:**

Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Perpaduan Negara  
Tel: +603 8091 8041      Fax: +603 8888 8568 / 569  
E-mail: [pro@perpaduan.gov.my](mailto:pro@perpaduan.gov.my)  
No rujukan: KPN.UKK.1009/1/8 (52)